

12/12/1997

Rakyat Malaysia bernasib baik

KABINET kelmarin meluluskan kenaikan harga empat barangan keperluan utama iaitu gula, tepung, susu di antara 10 sen dan 25 sen sekilogram mulai 1 Februari depan, manakala harga ladang bagi ayam meningkat 15 sen berkuatkuasa serta-merta. Langkah ini tidak dapat dielakkan berikutan penternak ayam serta pengimport dan pengedar susu, tepung dan gula menghadapi kenaikan kos pengeluaran disebabkan susut nilai ringgit. Penternak ayam mengalami kenaikan kos makanan ayam manakala pengimport pula tidak mahu mengimport gula dari Australia jika mereka menanggung kerugian dengan menjual gula pada paras harga rendah. Kontrak belian gula dengan Australia akan tamat hujung tahun ini dan jika kontrak itu tidak diperbaharui, pengeluar makanan tempatan yang menggunakan gula akan terjejas. Stok gula dalam simpanan pengimport hanya dapat bertahan selama sebulan. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, yang mengumumkan keputusan pahit Kabinet itu berkata, jika harga barangan itu tidak dinaikkan ramai penternak ayam serta pengimport dan pengedar susu, gula dan tepung akan gulung tikar dan bekalannya kepada pengguna akan terjejas.

Berikutan kelulusan itu harga gula kini ialah RM1.45 sekilogram (naik 25 sen) dan tepung RM1.20 sekilogram (naik 20 sen). Susu pula naik 10 sen dengan susu pekat manis seberat 397 gram RM1.60 dan RM2.05 (525 gram) manakala susu penuh krim seberat 397 gram RM1.75 dan RM2.20 (525 gram). Harga ayam di peringkat ladang naik 15 sen kepada RM3.05. Kerajaan memberi jaminan harga ayam yang disembelih yang dibeli di pasar oleh pengguna tidak melebihi RM4.90 sekilogram. Di Sabah dan Sarawak pula, harga baru barangan terbabit 10 peratus lebih tinggi daripada harga di Semenanjung disebabkan tambahan kos pengangkutan. Menurut Megat Junid, penternak ayam serta pengimport dan pengedar gula, tepung dan susu mendesak kenaikan harga yang lebih tinggi daripada yang diluluskan oleh Kabinet. Walaupun pengumuman ini dirasakan bagai hempedu terutama di kalangan golongan berpendapatan rendah serta mempunyai tanggungan yang ramai, kita masih boleh menarik nafas lega kerana harga baru barangan yang dikawal itu lebih rendah berbanding di beberapa negara jiran.

Rakyat di negara ini masih bernasib baik kerana beberapa negara Asia yang lain menghadapi masalah lebih serius berikutan susut nilai mata wang dan pasaran saham. Tekanan yang mereka hadapi adalah lebih perit akibat kegawatan ekonomi menyebabkan ramai yang hilang pekerjaan dan punca rezeki berikutan banyak syarikat ditutup dan ada pekerja yang terpaksa menerima sehingga 50 peratus potongan gaji. Kita bersyukur kerana tiada syarikat yang menutup operasinya di Malaysia. Asas ekonomi kita masih kukuh dan kita berupaya menongkah arus kegawatan ekonomi ini dengan ketahanan diri, berdisiplin dan mengambil langkah berjimat cermat. Kita akan cepat pulih jika segenap lapisan masyarakat mengambil langkah mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu. Rakyat perlu menyokong langkah kerajaan untuk memulihkan ekonomi. Seperti nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, jika tidak, kita mungkin terpaksa tunduk kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Padah campur tangan IMF ialah pendapatan rakyat dikurangkan, pekerja diberhentikan, cukai ditingkatkan, faedah bank dinaikkan, syarikat tidak diberi bantuan dan kredit dibekukan. Perdana Menteri mahu rakyat sanggup berkorban dan tidak lagi berbelanja seperti dulu.

Pada masa yang sama kita juga berharap pengimport mengotakan jaminannya

supaya tidak menaikkan harga barangan kawalan supaya harga runcit dapat dikekalkan menjelang perayaan berkembar Aidilfitri dan Tahun Baru Cina. Kita juga meminta bahagian penguatkuasa kementerian mengadakan operasi berterusan di seluruh negara untuk memastikan tiada pembekal yang sengaja menyorok barangan untuk menaikkan harganya. Tindakan sekeras-kerasnya wajar diambil terhadap pihak yang sengaja mahu mengambil kesempatan menaikkan harga dengan mencetuskan kekurangan barangan palsu di pasaran. Kita juga berharap tiada peniaga menaikkan harga susu, gula dan tepung sebelum tarikh pelaksanaannya kerana ini akan membebankan pengguna dan memberi kesan negatif kepada ekonomi negara. Kerajaan perlu memastikan bekalan susu, tepung dan gula mencukupi menjelang perayaan itu dan mengawal harga barangan lain yang menggunakan bahan berkenaan. Semoga semua pihak mengambil iktibar daripada masalah yang dihadapi negara ketika ini.

(END)